

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktoper /November 1996

HKT 321 Kesusasteraan Dan Disiplin Bantu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. *"Bad art is mere affective message, it satisfies the instincts without helping man to solve his struggle for freedom."*
Bincangkan ungkapan tersebut dari sudut pandangan "functionalis," "realisme sosialis" dan "psikoanalisis."
2. Marxist dan psikoanalisis melihat fiksyen sebagai satu penyelesaian secara khayalan akan percanggahan-percanggahan tertentu (*imaginary solution of contradictions*). Berdasarkan pemikiran Marxisme dan Freudian, huraikan percanggahan-percanggahan tersebut dan perikan bagaimana karya sastera berperanan dalam menyelesaiannya.
3. Dari sudut pandangan psikoanalisis karya sastera ialah sebuah *dream narrative* yang lahir daripada perpindahan teks terpendam (*latent text*) kepada teks tertera (*manifest text*) melalui tindakan-tindakan pemanjakan (*condensation*) dan pengalihan (*displacement*). Huraikan bagaimana proses tersebut berlangsung dalam aktiviti kreatif seorang pengarang.
4. Dari pandangan Plato: "*poetry waters the growth of passions,*" justeru itu "*art is a form of play not to be taken seriously.*"
Bincangkan pandangan tersebut untuk membuktikan bahawa karya sastera adalah dokumen sosial dan falsafah yang berwibawa dan bernilai.

5. Mengikut Kathleen Raine, “*whereas science measures the natural world, the arts alone can depict the inner worlds.*” Dengan merujuk kepada aspek metafisik dalam Falsafah Perennial, tafsirkan makna “*natural world*” dan “*inner worlds.*” Berdasarkan karya Dante *Divine Comedy* perlihatkan bagaimana karya sastera cuba menggarap “*inner worlds*” sepetimana yang dialami oleh Dante dalam “perjalanannya.”
6. Huraikan dasar-dasar pemikiran Barat moden yang membawa munculnya aliran seni/sastera yang bersifat “*imitative, naturalistic*” pada abad ke 19. Adakah seni/sastera yang begini memenuhi konsepsi Marxist tentang seni realisme sosial yang dipeloporinya? Bincangkan.
7. Berdasarkan contoh-contoh karya sastera yang tertentu, huraikan tema-tema sastera yang dipengaruhi oleh pemikiran *Existentialisme*. Perlihatkan bagaimana karya-karya tersebut dapat dikatakan sebagai satu “pemberontakan” kepada konvensi kesasteraan sebelumnya.

--oo000oo--